

## Kerjaya Prospek raih dua kontrak baharu RM102.6 juta

**Syarikat** pembinaan, Kerjaya Prospek Group Bhd memperolehi dua kontrak baharu dengan nilai gabungan RM102.6 juta bagi projek yang terletak di Pulau Andaman, Pulau Pinang.

Kontrak itu diperolehi menerusi anak syarikat milik penuhnya, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd daripada Persada Mentari Sdn Bhd, anak syarikat tidak langsung milik Eastern & Oriental Bhd (E&O).

E&O adalah syarikat di mana pemegang saham utama Kerjaya Prospek mempunyai kepentingan secara langsung dan tidak langsung.

Kontrak pertama bernilai RM33 juta membabitkan kerja cerucuk dan kerja tanah bagi projek pembangunan, yang dijadual bermula pada 1 Julai 2026 dan dijangka siap dalam tempoh 12 bulan.

Sementara itu, kontrak kedua pula bernilai RM69.6 juta membabitkan pembinaan 28 unit rumah teres tiga tingkat dan 18 unit rumah berkembar tiga tingkat.

Pembinaannya dijangka bermula pada 1 Ogos 2026 dan disasarkan siap dalam tempoh 24 bulan.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Kerjaya Prospek, Tee Eng Tiong, berkata pihaknya gembira dapat mengumumkan dua lagi kemenangan kontrak bagi bulan ini, menjadikan jumlah keseluruhan tiga kontrak baharu yang diperolehi sepanjang bulan ini sahaja.

Menurutnya, syarikat teruja untuk menjadi sebahagian daripada pembangunan berterusan Pulau Andaman, Pulau Pinang, yang bertujuan mentakrif semula kehidupan di kawasan pesisir pantai.

"Kami juga berharap dapat menyediakan kerja pembinaan berkualiti yang akan melengkap visi jangka panjang dan saluran pembangunan luar biasa E&O," katanya.

Perolehan kontrak baharu Kerjaya Prospek bagi tahun kewangan 2026

kini meningkat kepada RM1.1 bilion, manakala jumlah tempahan kontraknya kini mencecah kira-kira RM4.4 bilion.



Tee Eng  
Tiong